

28/06/1999

PM pertahan bina struktur bangunan

Ahmad Zaini Kamaruzzaman; Wan Jailani Razak

LANGKAWI, Ahad - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mempertahankan tindakan Malaysia mendirikan struktur binaan di Terumbu Peninjau dan Terumbu Siput, berhampiran Kepulauan Spratly yang menurutnya berada dalam wilayah negara ini.

Perdana Menteri berkata, terumbu itu berada dalam lingkungan zon negara ini dan Malaysia tidak mencero bohi wilayah negara lain.

Sehubungan itu, beliau meminta negara yang terbabit dalam pertikaian kawasan bertindih di Kepulauan Spratly menghormati hak Malaysia mendirikan sebarang struktur binaan di wilayah miliknya.

"Kita bina dalam zon kita saja dan bukan di luar zon. Kita berhak membina bangunan untuk kepentingan kita kerana kita harus tahu keadaan di situ.

"Kita harus kaji mengenai iklim dan kita juga ingin menentukan supaya tidak ada pelanggaran kapal dan banyak kajian saintifik mengenai perikanan laut dalam," katanya.

Dr Mahathir berkata demikian kepada pemberita selepas melancarkan Program Pemasaran Bersama 'Make It Langkawi' dan 'Langkawi Travel Mart', di sini hari ini.

Beliau diminta mengulas laporan akhbar bahawa Filipina bercadang mendirikan struktur binaan di terumbu yang masih belum diduduki sebagai tindak balas terhadap pembinaan oleh China dan Malaysia di beberapa terumbu yang didakwa berada dalam wilayahnya.

Cadangan itu dibuat Setiausaha Pertahanan Filipina, Orlando Mercado, berikutan pertikaian terbaru selepas Malaysia menempatkan saintis di Terumbu Peninjau dan Siput.

Baru-baru ini, Manila mengemukakan bantahan diplomatik berhubung pembinaan bangunan di terumbu itu selepas mengeluarkan gambar yang menunjukkan apa yang didakwanya sebagai sebuah tempat pendaratan helikopter serta kemudahan radar.

Bagaimanapun, Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar, menyatakan Malaysia tidak pernah menduduki sebarang kawasan yang dituntut Filipina atau negara lain di Kepulauan Spratly, sebaliknya menjelaskan Malaysia hanya menjalankan kegiatan yang dituntutnya dalam Zon Ekonomi Eksklusif (EEZ) di perairan Spratly, Laut China Selatan.

Menurut Syed Hamid, Terumbu Peninjau dan Siput yang menempatkan saintis negara terletak dalam lingkungan sempadan pelantar benua dan EEZ bagi mengkaji saintifik marin, mengawal dan melindungi sumber marin serta alam sekitar.

Terumbu itu bukan sebahagian Kepulauan Spratly yang turut menjadi rebutan Vietnam, Taiwan, Brunei dan China. Mengikut dasar EEZ, wilayah sesebuah negara menjangkau kawasan sehingga 200 batu nautika daripada garisan pantai negara terbabit.

Perdana Menteri juga menjelaskan Malaysia membina struktur di terumbu itu kerana bimbang negara lain akan berbuat demikian seperti yang berlaku terhadap beberapa terumbu lain sebelum ini.

Menurutnya, Filipina sudah menduduki Terumbu Laksamana, manakala Terumbu Perahu dan Terumbu Amboyna Cay diduduki Vietnam, tetapi tidak dipersoalkan oleh Malaysia.

"Kalau kita tidak bina, orang lain akan bina. Sudah pun ada pulau orang lain masuk dan walaupun sudah masuk dalam kawasan kita... kita tidak berbuat apa-apa.

"Kita tidak soal. Jadi, mereka tidak harus soal apa negara kita buat di pulau milik kita," katanya.

Ditanya sama ada pertikaian terbaru itu mungkin menimbulkan ketegangan hubungan Malaysia dengan Filipina, Dr Mahathir berkata beliau tidak nampak ia akan berlaku kecuali jika Filipina mengambil tindakan agresif.

"Saya tidak nampak kenapa ia terjadi. Kalau pihak Filipina ambil tindakan agresif, ia akan menyebabkan ketegangan, tetapi kita tidak akan berbuat sesuatu.

"(Malaysia) sepatutnya sudah lama tuntutan Terumbu Laksamana, tetapi kita tidak buat. Yang tuntutan ialah Filipina terhadap Sabah... kita punya kepulauan.

"Itupun kita sanggup tidak membincangkan perkara itu demi menjaga kepentingan hubungan baik kita dengan mereka. Jadi, kita harap mereka tidak membangkitkan perkara yang mungkin menyebabkan ketegangan dalam hubungan.

"Kita suka berbaik dengan jiran tetapi dalam pada itu, apa yang kita miliki, kita terpaksa mempertahankan," katanya.

Perdana Menteri juga menegaskan beliau tidak akan mengambil inisiatif dengan mencadangkan supaya diadakan perbincangan berhubung perkara itu, tetapi bersetuju ia dibawa ke meja perundingan.

"Kita sedar ada orang buat tuntutan juga tetapi kita punya asas untuk buat tuntutan kita. Saya tidak akan mencadangkan (perbincangan) tetapi kalau ada kita sanggup. Kita tidak perlu apa-apa inisiatif kerana tidak buat apa-apa yang berbeza, tetapi kita terbuka kepada perbincangan.

"Dalam mesyuarat Asean kita sudah setuju, masalah Spratly mesti dibincang sebagai satu masalah hubungan pelbagai hala," katanya.

Perdana Menteri juga menegaskan pembinaan struktur di kawasan berkenaan bukan berdasarkan kepada kekayaan hasil bumi seperti, gas dan minyak.

"Kita bukan berfikir mengenai galian kerana laut kita dalam sekali sehingga kapal tidak boleh berlabuh. Tali sauh tidak sampai bawah, kira-kira 2,000 kaki dalam dan sebab itu pulau ini penting kerana dalam lagun itu, kita boleh berlabuh di situ. Sebab itu kita guna pulau ini," katanya.

(END)